

29/04/2001

PM mahu Nik Aziz kotakan kata-kata

SUBANG: Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, jangan hanya mengeluarkan kenyataan tetapi perlu disusuli amalan supaya menghentikan pemulauan terhadap ahli Umno, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, memang mudah bagi Menteri Besar Kelantan itu untuk menyatakan sesuatu tetapi ia perlu disusuli dengan amalan, bukan setakat ungkapan.

"Kita alu-alukan (kenyataan Nik Aziz)... kita nak tengok dia amalkan atau tidak dan suruh orang Pas ikut kata dia," katanya kepada pemberita sebaik tiba dari lawatan rasmi dua hari ke Emiriyah Arab Bersatu di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini, semalam.

Di Kota Bharu kelmarin, Nik Abdul Aziz dilaporkan berkata, ahli Pas perlu menghentikan perbuatan memulau ahli Umno kerana perbuatan itu merugikan Pas.

Mursyidul Am Pas itu berkata, ini kerana perbuatan pulau-memulau juga jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang mahu umatnya berdakwah dan memiliki sikap bertolak-ansur sesama manusia tanpa mengira fahaman politik.

Ditanya sama ada beliau yakin dengan kenyataan Nik Aziz itu, Dr Mahathir berkata: "Kita tengoklah... kerana kadang-kadang Nik Aziz buat kenyataan yang cukup baik tapi kita nak tengok sama ada ia disusuli dengan amalan ataupun tidak. Nak cakap memang mudah.

"Kita nak tengoklah amalannya sama ada orang Pas nak boikot orang Umno lagi, sembahyang dua imam, anak orang Pas tak boleh kahwin dengan orang Umno. Ini semua kita nak tengoklah jadi atau tak," katanya.

Kelmarin Nik Aziz turut menegur segelintir ahli Pas yang enggan mengunjungi rumah ahli Umno atau menziarahi jenazah ahli Umno sebagai satu perbuatan yang tidak betul dari segi Islam.

Sebaliknya, Menteri Besar Kelantan itu berkata, sebagai menzahirkan konsep dakwah itu, beliau sendiri sudah mengambil langkah mengunjungi rumah ahli Umno dan melawat rumah ibadat masyarakat bukan Islam.

Ditanya sama ada masalah ini boleh diselesaikan jika orang Umno juga turut melawat rumah orang Pas seperti ditunjukkan Nik Aziz itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata:

"Orang Umno... kita tak pernah tahan (sekat). Kita kalau boleh pergi, kita pergi... tinggal lagi dia la kot tak berapa seronok."

(END)